

19 JAN 1998

MALAYSIA KAJI CADANGAN IMF MENGENAI KADAR FAEDAH

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji cadangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) supaya kadar faedah tempatan dinaikkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika diminta mengulas cadangan itu, beliau berkata Malaysia tidak diberi arahan oleh IMF.

"Saya rasa IMF ialah badan antarabangsa bertanggungjawab yang tidak membuat ugutan...ia memberi nasihat kepada kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Keempat Majlis Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC), di Cyberjaya di sini.

Dr Mahathir berkata : "IMF bukan mengugut kita untuk membuat ini atau itu, jika tidak, nilai Ringgit akan jatuh lagi. Tetapi kita akan mengkajinya."

Cadangan itu dikemukakan oleh Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus selepas menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim serta pegawai-pegawai Perbendaharaan dan Bank Negara di sini minggu lepas.

Bagaimanapun, Camdessus juga berkata bahawa bank pusat telah mengambil langkah ke arah itu, tindakan yang walaupun menyokong Ringgit tetapi menyekat kegiatan perniagaan kerana ia akan menyebabkan pinjaman menjadi mahal.

Penganalisis berkata ia adalah tindakan yang sukar dan mahal bagi bank pusat itu yang sejak enam bulan lepas berusaha meminimumkan ketidakstabilan unit mata wang tempatan walaupun banyak rintangannya.

Kadar faedah pada masa ini ialah 9.5 peratus daripada purata 7.5 peratus sebelum nilai mata wang merosot Julai lepas manakala Ringgit, yang jatuh ke paras terendah 4.88 berbanding dolar Amerika dua minggu lepas, kembali pulih kepada paras 4.05 dalam urus niaga hari ini.

Kepada soalan seorang wartawan asing sama ada secara peribadinya beliau terjejas teruk oleh krisis ekonomi itu dan tidak lagi seperti dahulu sejak akhir-akhir ini, Perdana Menteri berkata : "Kami tidak menyekat spekulasi tetapi jika ia baik untuk media dan menjadikannya laris serta menarik minat lebih banyak pembaca, itu adalah hak mereka."

Ketika ditanya sama ada pilihan raya mengejut akan diadakan, beliau berkata : " Anda perlu bertanya kepada (setiausaha agung DAP) Lim Kit Siang."

Mengenai pemimpin pembangkang itu tidak mendapat sebarang siaran dalam televisyen, Dr Mahathir berkata beliau sendiri menjadi mangsa kepada penapisan, terutamanya media antarabangsa, yang banyak mengetepikan pendapat positif beliau tetapi mengutarakan kenyataan-kenyataan negatifnya.

-- BERNAMA

MR NAK ZK MAI MA